

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[PETALING JAYA]**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [ PETALING JAYA ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan dan apakah program-program insentif akan dilancarkan untuk menggalakkan industri dari luar negara, seperti Hong Kong untuk memindah aktiviti dan pemastautinan mereka ke Malaysia akibat perkembangan ekonomi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Pelbagai usaha telah dan sedang diambil oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensi di bawahnya, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk terus memastikan aliran masuk pelaburan asing yang berkualiti tinggi ke dalam negara.
2. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 30 September 2020, MITI melalui MIDA telah menerima sejumlah 25 permohonan daripada syarikat multinasional (MNC) dari negara China (termasuk dari Hong Kong) untuk melabur di Malaysia dengan nilai pelaburan berjumlah RM38.1 billion terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan logam, teknologi makanan dan industri berasaskan sumber.

3. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan oleh Kerajaan pada 5 Jun 2020, insentif cukai telah diperkenalkan bagi menarik pelabur asing dan juga syarikat MNC sedia ada untuk memindah (*relocate*) operasi perniagaan atau aktiviti perkilangan mereka dari negara luar ke Malaysia. Insentif cukai tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah operasi atau menjalankan operasi baharu di Malaysia sebagai pusat rantaian bekalan antarabangsa dengan kadar cukai 0 peratus selama 10 tahun bagi pelaburan modal di antara RM300 juta hingga RM500 juta dan selama 15 tahun bagi pelaburan modal RM500 juta ke atas untuk pelaburan baharu dalam sektor perkilangan;
- (ii) Elaun Cukai Pelaburan (ECP) selama 5 tahun untuk pelaburan modal melebihi RM300 juta bagi syarikat sedia ada di Malaysia yang bercadang untuk memindahkan operasinya di luar negara ke Malaysia; dan
- (iii) Elaun Pelaburan Semula (EPS) tambahan sebanyak 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh tiga tahun taksiran berturut-turut dan boleh ditolak sebanyak 70 peratus daripada pendapatan statutori aktiviti perkilangan. Insentif ini ditawarkan kepada syarikat yang terlibat dalam aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian.

4. Di samping itu, dalam pembentangan Belanjawan 2021, Kerajaan turut mengumumkan beberapa inisiatif bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan pelaburan ke dalam negara termasuk:

- (i) Permohonan untuk insentif pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah operasi atau menjalankan operasi baharu di Malaysia di bawah PENJANA dilanjutkan selama satu tahun lagi sehingga 31 Disember 2022.

Skop galakan cukai turut diperluas kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan terpilih yang memberi kesan pengganda signifikan dengan pemberian kadar cukai pendapatan 0 hingga 10 peratus untuk tempoh 10 tahun;

- (ii) Peruntukan RM1 bilion bagi Pakej Galakan Pelaburan Berteknologi dan Nilai Tambah Tinggi bagi menggalakkan aktiviti R&D dan meningkatkan produktiviti dalam sektor perkilangan;
- (iii) Dana Teknologi Tinggi bernilai RM500 juta oleh Bank Negara Malaysia untuk menyokong syarikat-syarikat dalam industri berteknologi tinggi dan berinovasi; dan
- (iv) Peruntukan tambahan berjumlah RM150 juta di bawah Skim Geran Pendigitalan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Geran Automasi bagi menyokong aktiviti automasi dan modenisasi.

5. Kerajaan juga akan terus menawarkan pelbagai insentif cukai sedia ada untuk menarik pelaburan domestik dan asing, terutamanya pelaburan berkualiti tinggi yang mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi seperti berikut:

- (i) Galakan Taraf Perintis iaitu pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 hingga 10 tahun; atau  
ECP iaitu elauan sebanyak 60 hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun;
- (ii) Insentif Elauan Modal Automasi sebanyak 200 peratus ke atas RM4 juta (bagi industri perkilangan yang berintensifkan buruh) dan RM2 juta (bagi industri-industri perkilangan lain) bagi perbelanjaan pertama. Ia adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan automasi dalam sektor perkilangan;
- (iii) Elauan Pelaburan Semula untuk menggalakkan aktiviti pengeluaran secara automasi bagi syarikat perkilangan

termasuk syarikat-syarikat IKS. Elaun ini diberikan pada kadar 60 peratus ke atas perbelanjaan modal syarikat dan boleh ditolak sebanyak 70 peratus daripada pendapatan berkanun untuk tempoh 15 tahun berturut-turut dari tahun pertama pelaburan semula dibuat;

- (iv) Pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan yang digunakan secara langsung dalam proses pengeluaran syarikat dan tidak dikeluarkan di dalam negara; dan
- (v) Skim Galakan Istimewa ditawarkan untuk projek-projek berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berintensifkan pengetahuan dan mempunyai nilai rantai yang tinggi dalam sektor-sektor yang disasarkan.

Sekian, terima kasih.